

Hariri sifatkan Dr. Mahathir pemimpin Islam sejati

UM 22 JAN 2003

BEIRUT 21 Jan. — Perdana Menteri Lubnan, Rafic Hariri menyifatkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Islam sejati yang mengamalkan kepimpinan sederhana sehingga terbukti berjaya di Malaysia dan membanggakan umat Islam seluruh dunia.

Katanya, beliau dan rakyatnya berbangga dengan cara dan pendekatan kepimpinan Dr. Mahathir.

“Anda tahu betapa umat Islam sekarang di bawah tekanan dan ancaman dan kami amat berbangga mempunyai pemimpin seperti Dr. Mahathir, yang cukup terkenal di dunia dengan

wawasannya, sederhana, kuat memimpin negaranya ke tahap yang terbaik dan memberi contoh kepada Islam sederhana.

“Dr. Mahathir bukan sahaja pemimpin bagi Malaysia, dia merupakan segelintir daripada pemimpin dunia yang berjaya membawa negaranya dari apa yang ada 22 tahun lalu kepada apa yang ada hari ini. Malaysia telah menjadi satu daripada ekonomi yang terancang di dunia.

“Kami cukup berbangga yang beliau berada di sini dan kami tahu mereka adalah sahabat kepada negara kami dan dunia Arab,” katanya menjawab soalan

apakah beliau akan ‘merindui’ Dr. Mahathir selepas persaraannya kelak.

Hariri berkata demikian pada sidang akhbar bersama dengan Perdana Menteri di sini petang semalam sebelum meneruskan lawatannya ke Mesir.

Semasa pertemuan dua hala semalam, Dr. Mahathir-Hariri turut membincangkan mengenai perkembangan serantau termasuk ancaman perang di Iraq dan konflik Arab-Israel.

Hariri turut melahirkan kesungguhan untuk menguatkan hubungan ekonomi dan politik dan menubuhkan persatuan perniagaan di antara dua buah negara.

Beliau menegaskan untuk melihat Malaysia membuka kedutaannya di negara ini dan menambah, Lebanon telah memutuskan untuk membuka kedutaan di Malaysia.

Pemimpin Lebanon itu juga menyeru ahli-ahli perniagaan Malaysia melabur dalam projek penswastaaan milik kerajaan, terutama dalam bidang telekomunikasi, air dan elektrik serta mencari gali gas.

Dr. Mahathir pula mengulas cadangan Hariri dengan berkata “hubungan boleh diperkuatkan dengan mengadakan penerbangan antara dua negara.” — *Utusan*